

Taktik klon bot nelayan tempatan

Dua bot nelayan Vietnam 'menyamar' nelayan tempatan ditahan Maritim

RUBIAH OMAR

KUALA TERENGGANU

Dua bot nelayan yang menggunakan nombor pendaftaran tempatan disyaki bot nelayan asing bersama dua tekong dan 17 awak-awak ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) ketika sedang melakukan aktiviti menangkap ikan di perairan Terengganu, di sini, kelmarin.

Pengarah Zon Maritim Kemaman, Komander Maritim Rashidilhadi Abd Rashid berkata, aset agensi itu yang sedang menjalankan rondaan Ops Iman mengesan dua bot nelayan melakukan aktiviti menangkap ikan

disyaki dari Vietnam sebelum berjaya menahan kedua-duanya di dua lokasi berbeza pada jarak 54 dan 45 batu nautika dari muara Kuala Terengganu, antara jam 5.45 hingga 6.40 petang.

"Hasil pemeriksaan mendapati kedua-dua bot yang cuba meloloskan diri sejurus menyedari kehadiran kami melanggar syarat lesen dan disyaki klon bot nelayan asing yang menggunakan nombor pendaftaran tempatan.

"Selain itu, nilai rampasan yang berjaya dibuat berjumlah hampir RM3 juta termasuk hasil tangkapan laut, minyak diesel, bot dan peralatan menangkap ikan," katanya pada satu sidang media di Ibu Pejabat Maritim, di sini, semalam.

Menurut Rashidilhadi, kesemua 19 nelayan Vietnam berusia antara 19 hingga 39 tahun dan bot ditahan untuk siasatan.

Katanya, kes disiasat di bawah Akta Imigresen 1959/63 kerana tidak memiliki pengenalan diri yang sah dan Akta Perikanan 1985 kerana disyaki memalsukan



Rashidilhadi (kiri) menunjukkan sebahagian daripada hasil tangkapan laut yang berjaya dirampas daripada nelayan asing itu, kelmarin.

dokumen bot dan juga melanggar syarat-syarat lesen serta di bawah Akta Ordinan Perkapalan Sauda-

gar 1952.

"Kami tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak

KES CEROBOH NELAYAN ASING

- Jumlah bot: 2 buah
- Jumlah nelayan: 2 tekong, 17 awak-awak
- Jarak lokasi: 45 dan 54 batu nautika
- Nilai rampasan: Hampir RM3 juta

terutama nelayan asing yang menceroboh perairan negara bagi mengaut hasil laut tanpa kebenaran yang mana akan merugikan negara.

"Rondaan dan pemantauan akan terus dipertingkatkan dari masa ke semasa untuk mencegah sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang Maritim.

"Justeru itu, kerjasama daripada masyarakat terutama nelayan tempatan untuk melaporkan sebarang maklumat dan salah laku yang berlaku di perairan negara ke talian MERS 999 atau 09-6224357 (Pusat Operasi Maritim Terengganu)," katanya.